



Logo Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) menyerupai pelepah kelapa sawit, dan gambaran titisan minyak. Pembentukan unjuran pelepah mewakili pelbagai fungsi MPOB yang terdiri daripada penyelidikan dan pembangunan dan pengkomersialan, pendaftaran, pelesenan, nasihat teknikal dan perundingan.

Jalur hijau logo juga mewakili tunjuk arah strategi MPOB; eksploitasi maksimum minyak sawit, penggunaan lengkap komponen bukan minyak dan penggunaan penuh tanah didalam industri kelapa sawit. Jalur emas melambangkan "tanaman emas Malaysia".

Taipan hitam adalah simbolik peranan besar dan utama MPOB. Jalur emas dan asas bulat logo melambangkan keadaan dinamik Lembaga berasaskan tenaga dan kemajuan.

